

**TEKS UCAPAN**  
**Y. BHG. PROF. DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Temasya Olahraga  
Tahunan 2019  
30 Mac 2019, Stadium UTeM, 6.00 petang**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

- 1. Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);
- 2. Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar);
- 3. Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti);
- 4. Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Goh Ong Sing**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat);
- 5. Yang Berusaha Dr. Rosli bin Saadan**

Pengarah Pusat Sukan

6. Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
7. Jawatankuasa Pelaksana, staf, para pelajar , hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah SWT kerana di atas nikmat dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada petang ini bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah Temasya Olahraga Universiti Teknikal Malaysia Melaka bagi tahun 2019.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

2. Seperti yang kita semua sedia maklum, sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah dapat membina kekuatan mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan. Kita juga boleh melihat kekuatan mental yang mampu mempengaruhi corak permainan di samping kekuatan fizikal yang dimiliki.
3. Selain itu semangat kesukanan yang tinggi di kalangan atlit juga dapat melatih diri para atlit untuk mempunyai minda yang terbuka dan sanggup menerima dan memberi respon dalam pelbagai situasi. Sekiranya menang ataupun tewas dalam sesuatu pertandingan, atlit dapat menerimanya dengan hati yang terbuka. Yang penting kita hendaklah bertanding dengan penuh semangat kesukanan.

4. Justeru itu, temasya seumpama ini sememangnya selaras dengan hasrat universiti agar warganya bergiat aktif dalam aktiviti kesukanan, supaya dapat memupuk kesihatan diri dari segi fizikal, mental selain menjadi platform terbaik untuk kita memperkuuhkan lagi ukhwah sesama kita.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Saya difahamkan, sebanyak 12 acara dipertandingkan tahun ini yang melibatkan 5 kategori iaitu kategori pelajar (lelaki dan wanita), staf senior (lelaki dan wanita) dan staf veteran (Lelaki). TOT tahun ini telah berjaya menghimpunkan seramai 550 peserta dan pegawai. Menampakkan peningkatan berbanding tahun lepas sekadar 450 peserta dan pegawai.
6. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua atlit yang mengambil bahagian.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

7. Temasya ini merupakan medan untuk anda mempamerkan kebolehan dan potensi diri, dan disini juga bakat anda akan dinilai. Para atlet yang layak juga akan dipilih bagi mewakili UTeM ke kejohanan sukan MASUM mahupun SUKUM kelak. Siapa tahu bermula dari temasya seperti ini anda mungkin akan bergelar atlit negara, sekaligus dapat melonjakkan lagi nama UTeM dalam arena sukan negara dan antarabangsa.
8. Meskipun Universiti kita ini berteraskan kejuruteraan dan teknologi, tetapi bagi saya, aspek kesukaran dan kecergasan merupakan satu bidang yang tidak boleh dikompromikan. Melalui aktiviti sebegini akan membantu melahirkan minda pelajar serta kakitangan yang sihat dan cergas dalam melaksanakan tugas-tugas sehari-hari.

## **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan mengenai sukan teras prestasi tinggi. Saya amat berharap agar atlit-atlit yang ada di hadapan saya dapat bergiat cergas dan lebih aktif di dalam permainan-permainan yang dikategorikan sebagai sukan prestasi tinggi seperti ping pong, badminton, sepak takraw, berbasikal, memanah, mendayung, petanque dan pelbagai lagi. Ini, secara tak langsung sudah pastinya kita akan dapat melahirkan bintang sukan yang selama ini negara kita merasakan ketandusannya.
10. Saya yakin, bakat-bakat yang berpotensi tinggi dalam sukan berprestasi tinggi telah pun lahir di kalangan warga UTeM, namun ianya masih memerlukan sokongan dan dokongan padu supaya bakat yang

tersembunyi itu dapat digilap dan ditonjolkan di dalam bidang kesukanan yang dikenalpasti.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

11. Sesungguhnya saya percaya penuh dengan kekuatan dan semangat kesukanan yang dimiliki oleh staf dan pelajar UTeM. Ayuh kita sama-sama bangkit bersatu hati untuk memastikan UTeM terus mengekalkan kecemerlangan yang telah diperolehi seterusnya merealisasikan TUAH seperti yang telah diinspirasikan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM.
12. Besarlah harapan saya juga untuk melihat semangat bersaing seumpama ini dapat dikekalkan sepanjang masa, bukan sahaja di gelanggang sukan tetapi turut dipamer di gelanggang-gelanggang akademik, penyelidikan dan di bilik-bilik bekerja kita.

13. Saya yakin jika semangat yang sama dapat sentiasa dikekalkan, UTeM akan dapat menjadi institusi yang berdaya saing dalam pelbagai bidang di peringkat lokal dan global.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menguntumkan ucapan tahniah dan syabas kepada jawatankuasa

- pelaksana yang terlibat dalam memastikan kejayaan penganjuran temasya ini.
8. Akhir kata, tunjukkanlah semangat kesukaran yang tinggi dan jadikan kemenangan sebagai dorongan dan cabaran kepada pihak lain di pertandingan-pertandingan yang akan datang.
  9. Dengan lafaz bismillahi rahmani rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis **Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah Temasya Olahraga Tahunan 2019.**

Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wr. wbth.

Terima kasih.